

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]

TARIKH : 15 MAC 2017

SOALAN :

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada benar tanah rizab di Lot 55121 P.A 120495 Daerah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang diwartakan sebagai kawasan lapang dan padang bola melalui warta P.U.(B) 344 telah dibatalkan status rizab dan hendak dijual kepada pemaju Tetuan Sinerjuta Sdn. Bhd.

JAWAPAN : YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan dalam mesyuarat bilangan 691/2016 pada 26 Januari 2016 telah meluluskan pembatalan warta perizaban tanah kerajaan dibawah Seksyen 64 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi Lot 55121, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur iaitu tanah rizab yang diwartakan melalui P.U.(B) 344 bertarikh 25 November 2005.

Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan Lot 55121 ini merupakan padang bola sepak yang akan digantikan dengan padang bola sepak yang baru dilengkapi dengan tempat duduk penonton dan lampu limbah di atas tanah lapang di antara Masjid Saidina Othman, Bandar Tun Razak dengan Unit Berkuda DBKL di Jalan Budiman, Bandar Tun Razak. Jarak di antara tapak gantian dengan tapak sedia ada adalah lebih kurang 500 meter sahaja.

Kegunaan tanah adalah bagi tujuan pembangunan yang melibatkan 2 fasa pembangunan. Fasa 1 melibatkan pembangunan 823 unit rumah mampu milik sebagai ganti kepada 640 unit Perumahan Awam Sri Labuan, lebihan 183 unit akan dijual kepada awam pada harga RM198 ribu. Bagi fasa 2 pula melibatkan pembangunan 1015 unit rumah pada harga bebas sebagai *cross subsidy* bagi pembangunan perumahan mampu milik.

Sekian, terima kasih.